

**KORELASI ANTARA STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA
DENGAN PENCAPAIAN BAHASA ARAB DALAM
KALANGAN PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI
KELANTAN**

Oleh:

Linamalini Binti Mat Nafi¹

Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri bin Mat Teh²

Abstrak

Pelbagai kajian yang dijalankan mendapati bahawa tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Malaysia masih berada pada tahap yang kurang memuaskan berbanding pembelajaran bahasa asing/kedua yang lain di Malaysia. Kelemahan dalam menggunakan strategi pembelajaran bahasa (SPB) serta kekurangan pengetahuan mengenainya merupakan salah satu faktor penghalang kepada keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Pelajar cemerlang bahasa didapati menggunakan SPB tertentu dalam pembelajaran mereka. Namun, sebahagian daripada strategi tersebut tidak dapat diperhatikan dan mereka juga kurang berkongsi maklumat berkaitan dengan strategi pembelajaran yang mereka gunakan. Justeru, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk menyelidik tentang korelasi SPB dengan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi di Kelantan. Ia melibatkan 200 orang responden daripada dua buah IPT di Kelantan iaitu Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri (APIUM). Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti tahap penggunaan SPB dalam kalangan pelajar IPT Kelantan. Kajian tinjauan yang bersifat kuantitatif ini menggunakan soal selidik SPBA dan ujian pencapaian bahasa Arab sebagai alat kajian utama untuk mengumpul data. Dapatkan kajian menunjukkan Strategi Metafizik

¹ Linamalini Binti Mat Nafi (MA), adalah pensyarah di Jabatan Bahasa Arab, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

² Kamarul Shukri bin Mat Teh (Ph.D), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

merupakan strategi yang paling kerap digunakan manakala Strategi Memori pula strategi yang paling sedikit penggunaannya dalam kalangan pelajar IPT kelantan. Penggunaan strategi berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat korelasi signifikan antara penggunaan SPB dengan pencapaian bahasa Arab pelajar.

PENGENALAN

Bahasa Arab merupakan bahasa yang sangat istimewa kerana ia adalah bahasa al-Quran dan juga hadith Rasulullah S.A.W. (Ahmad Kilani, 2001). Ia juga adalah bahasa yang digunakan dalam ibadat solat dan mempunyai hubungan serta kaitan yang sangat erat dengan rukun-rukun agama Islam (al-Qardhawi, 1994).

Sejak tiga dekad kebelakangan ini sememangnya kita dapat menyaksikan pendidikan bahasa Arab di Malaysia terus berkembang. Misalnya, bahasa Arab telah dijadikan salah satu subjek elektif universiti di samping sebagai subjek wajib di fakulti. Namun begitu, tahap kemahiran dan penguasaan bahasa ini masih menjadi perbincangan dan persoalan pelbagai pihak sama ada mereka yang terlibat di peringkat persekolahan mahupun di peringkat pengajian tinggi (Kamarulzaman & Nik Mohd Rahimi, 2005; Zainur Rijal & Rosni, 2006; Kamarul Shukri, 2009). Banyak kajian yang dijalankan menunjukkan kemerosotan pencapaian bahasa Arab pelajar di peringkat menengah (Misnan ,1999; Saupi, 2003). Malah ia memberi kesan kepada pembelajaran di peringkat pengajian tinggi (Kamarul Shukri, 2009; Ab. Halim, 2007; Mastura & Kasih 2012). Sueraya et.al (2010) dalam kajiannya di UIAM mendapati antara faktor-faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini ialah kurangnya kesedaran tentang strategi pembelajaran bahasa (SPB). Penggunaan strategi pembelajaran yang sesuai juga turut didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecemerlangan prestasi bahasa (Green & Oxford, 1995; Griffiths, 2003 dlm Kamarul Shukri et al. 2009).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Beberapa kajian menunjukkan strategi pembelajaran memberi kesan positif ke atas prestasi bahasa (Kamarul Shukri &

Mohamed Amin, 2009; Oxford & Burry-Stock, 1995; Oxford, 2001) serta berpotensi untuk menjadi alat pembelajaran yang sangat berkuasa (O'Melly et al., 1985; Kamarul Shukri & Mohamed Amin, 2009). Justeru, memahami peranan strategi khususnya daripada pelajar cemerlang bahasa sangat penting bagi mengenal pasti punca kejayaan pembelajaran (Oxford et al., 1989). Menurut Vann & Abraham (1990) pelajar cemerlang juga mengkoordinasikan penggunaan strategi secara lebih efektif berbanding pelajar lemah bahasa. Namun, majoriti pelajar tidak dapat berkongsi penggunaan strategi dengan pelajar cemerlang kerana sebahagian strategi mereka tidak dapat diperhatikan dan mereka kurang berkongsi tentang strategi pembelajaran mereka.

Lantaran tersebut, bidang SPB perlu diberi perhatian yang wajar dan perlu dibudayakan dalam kalangan pelajar bahasa bagi meningkatkan pencapaian, penguasaan dan kemahiran bahasa mereka secara mudah dan berkesan.

TUJUAN KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, kajian ini mempunyai empat objektif utama :

1. Mengenal pasti jenis dan tahap penggunaan SPB berdasarkan konstruk startegi utama dalam kalangan pelajar IPT Kelantan.
2. Mengenal pasti sama ada terdapat korelasi signifikan antara penggunaan SPB dengan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPT Kelantan.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dilihat kepada 5 aspek utama:

1. Bidang ilmu : Ia dapat menyumbang dalam mengukuhkan dan memantapkan taksonomi SPB.
2. Penggubal Dasar dan Kurikulum: Ia dapat membantu dalam memperkemaskan kurikulum dan silibus pembelajaran bahasa Arab.
3. Pelaksana Dasar: Ia dapat memberi kefahaman yang jelas tentang SPB pelajar dan ini dapat membantu para pelaksana

- dasar iaitu guru dan pensyarah merancang strategi menarik dan efektif dalam proses pengajaran & pembelajaran.
4. Pelajar: Pelajar dapat mengetahui strategi yang betul dan berkesan dalam pembelajaran bahasa Arab.

DEFINISI OPERASIONAL

1. Strategi Pembelajaran Bahasa:

SPB dapat dirumuskan sebagai langkah, tingkah laku atau perancangan yang digunakan oleh pelajar bahasa untuk mempercepatkan dan memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pengingatan dan penggunaan maklumat seorang pelajar untuk mempertingkatkan proses pembelajaran mereka sehingga menjadikan pembelajaran lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih kendiri, lebih efektif dan lebih senang dipindahkan ke suasana baru (Ehrman & Oxford, 1990; Mohamed Amin, 1996; Kamarul Shukri & Mohamed Amin, 2010).

2. Pelajar Cemerlang Bahasa (PCB):

PCB dalam kajian ini merupakan pelajar mendapat keputusan yang cemerlang dalam ujian pencapaian bahasa Arab iaitu mendapat gred A atau A- dengan purata markah (72-100)

3. Pelajar Sederhana Bahasa (PSB):

PSB ialah pelajar yang mendapat kepujian serta lulus dalam ujian pencapaian dengan memperoleh gred B+ atau B atau B- atau C+ atau C di dalam ujian yang dijalankan dengan purata markah (68-71) bagi gred B+, (64-67) bagi gred B, (60-63) bagi gred B-, (55-69) bagi gred C+ dan (50-54) bagi gred C.

4. Pelajar Lemah Bahasa (PLB):

PLB ialah pelajar yang gagal dalam ujian pencapaian serta mendapat purata markah dari 0 hingga 49 dengan gred C- atau D+ atau D atau F. Purata markahnya ialah (45-49) bagi gred C-, (40-44) mewakili markah bagi gred D+, (35-39) mewakili markah bagi gred D dan (0-34) mewakili markah bagi gred F.

5. Pencapaian:

Menurut Kamus Dewan (1992), pencapaian bermaksud sesuatu yang telah dicapai atau diperoleh, ia juga memberi maksud prestasi atau hasil yang diperoleh oleh pelajar-pelajar setelah mempelajari sesuatu ilmu pengetahuan. Manakala di dalam kajian ini pencapaian merujuk kepada sesuatu markah atau gred yang diperolehi oleh subjek kajian hasil daripada ujian yang dijalankan.

6. Ujian Pencapaian:

Ujian ini mengukur tahap pencapaian bahasa Arab yang merangkumi aspek kefahaman dan juga tatabahasa dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di negeri Kelantan. Pelajar yang terlibat dengan ujian ini adalah pelajar-pelajar di tahun dua pengajian daripada Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra(KIAS) dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri (APIUM).

7. Strategi Memori:

Strategi yang membantu para pelajar menyimpan maklumat baru dan memperolehnya semula apabila dikehendaki (Oxford 1990). Contohnya menggunakan bunyi dan gambaran minda untuk dihubungkait dengan maklumat baru.

8. Strategi Afektif:

Strategi ini membantu para pelajar mengawal emosi, sikap dan motivasi berhubung dengan pembelajaran bahasa.

9. Strategi Sosial:

Perlakuan yang melibatkan orang lain dalam pembelajaran bahasa. Sebagai contohnya, bertanya soalan, bekerjasama dengan kawan-kawan sekelas dan membangunkan empati.

10. Strategi Metakognitif:

Merupakan satu tingkah laku yang biasanya digunakan untuk pemusatan, penyusunan, perancangan dan penilaian pembelajaran seseorang. Ia digunakan untuk menyediakan kawalan eksekutif terhadap proses pembelajaran.

11. Strategi Kognitif:

Ia adalah satu kemahiran yang memanipulasi dan mentransformasi bahasa secara langsung melalui penaakulan, analisis, mengambil nota, amalan berfungsi dalam suasana naturalistik.

12. Strategi Tampungan:

Satu tingkah laku yang digunakan untuk mendapat maklumat yang hilang atau lupa seperti meneka ketika mendengar atau membaca atau menggunakan sinonim ketika bercakap atau menulis.

13. Strategi Metafizik:

Strategi metafizik merupakan satu tindakan atau operasi dalam pembelajaran yang didorong oleh faktor keagamaan dan amalan ibadah yang berkait rapat dengan bahasa sasaran bagi mempertingkatkan pencapaian dan penguasaan bahasa. Ia merupakan strategi berunsurkan ketauhidan dan pengakuan tentang ilahiyyat yang membolehkan pelajar memanipulasi pembelajaran bahasa secara berterusan melalui rangsangan, dorongan dan amalan keagamaan (Kamarul Shukri, 2009).

SOROTAN LITERATUR

Rubin (1975) berpandangan bahawa SPB merupakan teknik atau perancangan khusus yang digunakan oleh pelajar untuk memperolehi pengetahuan. Manakala Rigney (1978) pula mendefinisikannya sebagai langkah atau tindakan yang kerap dilakukan secara sedar bagi meningkatkan pemerolehan maklumat. Bialystok (1978) pula memberi takrifan SPB sebagai cara atau langkah yang diambil bagi menggunakan dan mengeksplorasikan maklumat yang ada untuk mempertingkatkan kecekapan dalam bahasa kedua.

Selain itu, O'Malley dan Chamot (1990) berpendapat bahawa SPB sebagai fikiran atau perilaku khusus yang digunakan oleh seorang individu untuk memahami, mempelajari dan menyimpan maklumat baru. Ehrman dan Oxford (1990) pula memberi pengertian SPB merupakan langkah atau tingkah laku yang biasanya digunakan oleh pelajar bahasa untuk mempercepatkan pemerolehan, penyimpanan,

pengingatan dan penggunaan maklumat. Oxford (1990) mengemukakan definisi yang lebih menyeluruh yang menggambarkan SPB sebagai langkah-langkah atau tindakan khusus yang diambil oleh para pelajar bagi menjadikan proses pembelajaran mereka lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih berbentuk kendiri, lebih efektif dan lebih mudah disesuaikan dengan situasi baru. Manakala Nyikos (1991) berpandangan bahawa SPB adalah teknik-teknik berstrategik yang digunakan oleh pelajar bahasa untuk memahami dan memproses maklumat baru dengan lebih mendalam untuk menolong mereka mengingati semula maklumat lama dan mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran bagi memudahkan penyelesaian masalah.

Ellis (1994) pula melihat SPB adalah aktiviti mental dan perlakuan yang mempunyai hubungan dengan beberapa tahap khusus dalam keseluruhan proses pemerolehan dan penggunaan bahasa. SPB juga didefinisikan sebagai teknik, pendekatan dan tindakan yang diambil dengan sengaja oleh pelajar untuk memudahkan pembelajaran dan proses mengingati semula kedua-dua aspek linguistik dan kandungan sebarang maklumat (Chamot, 1987; Brown, 1994). Manakala Nunan (1999) pula memberi definisi SPB sebagai prosedur mental dan komunikatif yang digunakan untuk mempelajari dan menggunakan bahasa. Mohamed Amin (1996) pula berpandangan SPB ialah satu perancangan atau tindakan seorang pelajar untuk mempertingkatkan proses pembelajaran mereka. Park (1997) pula melihat SPB boleh memudahkan pemerolehan bahasa kedua dengan merangsang kemasukan input yang lebih banyak dan lebih baik dengan memproses input menjadi pengambilan dan melalui penghasilan output.

Kesimpulannya, SPB merupakan sesuatu yang sangat penting untuk dikuasai oleh setiap pelajar kerana ia berkait rapat dengan cara pelajar merancang pembelajaran mereka sama ada di dalam kelas, di luar kelas ataupun ketika mereka menghadapi peperiksaan (Mohamed Amin, 1996). Selain itu, menguasai SPB dapat mempengaruhi pengurusan, cara dan amalan belajar di kalangan pelajar (Zamri, 2004). Beberapa kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang menggunakan strategi pembelajaran bahasa yang efektif dan sesuai mudah berjaya (Schutz 1997; Weinstein & Mayer 1985). Kenyataan ini disokong oleh kajian-kajian yang dilakukan oleh Atkinson (1985), Bejarano (1987), Chamot & Kupper (1986) serta kajian-kajian tempatan yang dilakukan oleh Abu Talib (1998), Mohd Nazali (1999),

Rahani (1999), Norzizah (1999) Yong Zaharah (1999), Zuriyati (1999) Supian (2003), Zamri (2004), Nurazan (2004), Nonglaksana (2007) dan Kamarul Shukri (2009).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif yang dilaksanakan menerusi kaedah tinjauan deskriptif secara deduktif (Neuman, 1993). Kajian tinjauan deskriptif ini menggunakan kaedah soal selidik Strategi Pembelajaran Bahasa Arab (SPBA). Soal selidik SPBA ini dibina berdasarkan SILL versi 7.0 (Oxford, 1990) dengan pengubahsuaihan dan penambahan konstruk metafizik (Kamarul Shukri, 2009). Soalan ujian pencapaian Bahasa Arab juga digunakan untuk menguji tahap pencapaian bahasa Arab pelajar. Pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi Kelantan merupakan responden kepada kajian ini.

TEKNIK PENSAMPELAN

Berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) dan disokong oleh panduan yang dikemukakan oleh Gay dan Airasian (2003), bilangan sampel yang diperlukan oleh kajian ini (yang mempunyai jumlah populasi 313) adalah seramai 175 orang pelajar. Namun, untuk lebih meningkatkan ketepatan dapatan penyelidikan maka saiz sampel telah ditingkatkan kepada 200 orang pelajar. Teknik pensampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah pensampelan rawak berstrata tidak berdasarkan nisbah. Pengkaji juga melakukan pensampelan sistematis bagi memilih sampel daripada setiap strata agar bilangan sampel yang terlibat dalam setiap strata adalah mencukupi dan setiap sampel yang dipilih dapat mewakili populasi.

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian kuantitatif ini menggunakan dua jenis instrumen bagi tujuan memperoleh data iaitu, borang soal selidik strategi pembelajaran bahasa Arab (SPBA) dan soalan ujian pencapaian bahasa Arab. Instrumen ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A digunakan bagi mendapat maklumat responden dan bahagian B merupakan soal selidik SPBA. Manakala bahagian C adalah soalan ujian pencapaian bahasa Arab.

a) Soal Selidik SPBA

Instrumen soal selidik SPBA ini mengandungi dua bahagian utama, iaitu maklumat latar belakang pelajar dan soal selidik SPBA. Soal selidik SPBA yang digunakan dalam kajian ini merupakan soal selidik yang telah diadaptasikan daripada soal selidik *strategy Inventory For Language Learning* SILL versi 7.0 (Oxford, 1990). Ia telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan penambahan satu konstruk metafizik (Kamarul Shukri, 2009). Soal selidik ini mengandungi 62 item strategi. 52 item merupakan item-item daripada SILL versi 7.0, lapan item konstruk metafizik yang dibina oleh Kamarul Shukri (2009) dan dua item lagi merupakan item yang dibina oleh pengkaji.

b) Ujian Pencapaian

Soalan ujian pencapaian bahasa Arab digubal berdasarkan kurikulum yang diajar di kedua-dua buah IPT yang terlibat dengan mengambil kira silibus-silibus yang sama-sama dipelajari. Keputusan pencapaian dinilai berdasarkan gred yang digunakan oleh APIUM kerana ia dilihat lebih terperinci dan lebih mesra pelajar.

KAJIAN RINTIS

Sebelum kajian sebenar dijalankan ke atas responden, pengkaji terlebih dahulu melakukan kajian rintis menggunakan instrumen yang dibentuk. Ia bertujuan untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan item-item yang terkandung di dalam instrumen kajian. Seramai 30 orang pelajar yang mempunyai latar belakang yang serupa dengan responden sebenar telah dipilih untuk dilakukan kajian rintis.

a) Kesahan Instrumen

Kedua-dua instrumen tersebut telah mendapat pengesahan daripada lapan orang pakar. Lima orang yang mempunyai kepakaran dalam Pendidikan Bahasa Arab iaitu tiga orang pensyarah bahasa Arab di KIAS dan dua orang Guru Kanan Bahasa Arab daripada APIUM, Nilam Puri. Dua orang yang mempunyai kepakaran dalam bidang SPBA iaitu seorang Profesor Madya di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA dan seorang Profesor Madya di Pusat i-Learn, UiTM Shah Alam. Manakala seorang lagi yang mempunyai kepakaran

dalam bidang strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris daripada KIAS. Secara keseluruhannya, mereka memperakui bahawa item-item yang terdapat di dalam instrumen mampu mengukur aspek kandungan yang hendak diukur.

b) Kebolehpercayaan Instrumen

Kaedah Alfa Cronbach digunakan bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan setiap item dalam instrumen kajian ini. Indeks kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi konstruk Memori (11 item) adalah 0.826, konstruk Kognitif (14 item) adalah 0.792, konstruk Tampungan (6 item) adalah 0.846, konstruk Metakognitif (9 item) adalah 0.791, konstruk Afektif (7 item) adalah 0.840, konstruk Sosial (6 item) adalah 0.824, dan konstruk Matafizik (9 item) adalah 0.865. Manakala indeks kebolehpercayaan keseluruhan item instrumen SPBA adalah 0.944.

Pekali kebolehpercayaan atau indeks Alfa Cronbach bagi konstruk aras pengetahuan (5 item) adalah 0.569, konstrak aras kefahaman (10 item) adalah 0.739, konstrak aras aplikasi (15 item) adalah 0.543, konstrak aras analisis (10 item) adalah 0.579, konstrak aras sintesis (4 item) adalah 0.616 dan konstrak aras penilaian (6 item) adalah 0.550. Manakala indeks kebolehpercayaan keseluruhan item instrumen soalan ujian pencapaian (50 item) adalah 0.803.

Berdasarkan pandangan Mohd. Majid (2009), Sekaran (1992), McMillan dan Schumacher (2006), Crowl (1996), dan lain-lain, indeks kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah tinggi dan boleh diterima pakai bagi menjalankan ujian sebenar. Secara keseluruhannya, item-item dalam instrumen tersebut diakui mampu mengukur aspek kandungan yang hendak diukur.

ANALISIS DATA

Statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan secara menyeluruh tentang profil responden yang berkaitan dengan pemboleh ubah bebas iaitu jantina, pencapaian bahasa Arab peringkat SPM, tempoh pembelajaran bahasa Arab, tahap pendidikan ibu, tahap pendidikan bapa dan jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu. Analisis ini memberi fokus kepada pengumpulan, ringkasan dan pencirian set data. Statistik deskriptif min dan sisihan piawai

digunakan untuk menerangkan jenis SPB dan kekerapan penggunaannya.

Analisis inferensi dilakukan untuk menyatakan ciri-ciri subjek kajian melalui penghuraian perhubungan antara pemboleh-pemboleh ubah, iaitu perhubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas. Korelasi Pearson digunakan untuk menguji hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat korelasi signifikan antara penggunaan SPB dengan pencapaian bahasa Arab pelajar. Nilai darjah kesignifikan yang dipilih dalam analisis ini ialah ($p = 0.05$).

DAPATAN KAJIAN

Profil Responden

Responden kajian adalah terdiri daripada 200 orang pelajar yang mempelajari bahasa Arab di dua buah IPT terpilih di Kelantan. Bagi memudahkan untuk memahami profil responden yang terlibat dalam kajian ini, pengkaji melaporkannya mengikut dua kategori utama iaitu profil pelajar berdasarkan latar belakang peribadi dan profil pelajar berdasarkan latar belakang keluarga.

Jadual 1 menunjukkan bahawa seramai 89 orang (44.5%) daripada responden adalah pelajar lelaki dan 111 orang (55.5%) adalah pelajar perempuan. Dari segi pencapaian gred Bahasa Arab SPM, seramai 4 orang (2.0%) mendapat gred A+, 14 orang (7.0%) mendapat gred A, 20 orang (10%) mendapat gred A-, 32 orang (16%) mendapat gred B+, 36 orang (18%) mendapat gred B, 31 orang (15.5%) mendapat gred C+, 18 orang (9.0%) mendapat gred C, 26 orang (13%) mendapat gred D, dan 19 orang (9.5%) mendapat gred E.

Manakala, item jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu menunjukkan majoriti pelajar iaitu 126 orang (63%) memberi respons bahawa mereka memperuntukkan masa kurang daripada satu jam untuk belajar bahasa Arab di luar waktu kelas. 71 orang (35.5%) memperuntukkan masa antara 1 hingga 3 jam, 2 orang (1.0%) memperuntukkan masa antara 4 hingga 6 jam, dan hanya seorang pelajar sahaja yang memperuntukkan masa lebih daripada 6 jam.

Jadual 1: Profil Pelajar Berdasarkan Latar Belakang Peribadi

Latar Belakang Responden		Frekuensi	Peratusan
Jantina	Lelaki	89	44.5
	Perempuan	111	55.5
	Jumlah	200	100.0
Gred Bahasa Arab SPM	A+	4	2.0
	A	14	7.0
	A-	20	10.0
	B+	32	16.0
	B	36	18.0
	C+	31	15.5
	C	18	9.0
	D	26	13.0
	E	19	9.5
Jumlah		200	100.0
Jumlah Jam Belajar Bahasa Arab di Luar Kelas Dalam Seminggu	Kurang Satu Jam	126	63.0
	1-3 Jam	71	35.5
	4-6 Jam	2	1.0
	Lebih 6 Jam	1	0.5
	Jumlah	100	100.0

Jadual 2 pula menunjukkan latar belakang keluarga responden. Daripada 200 orang pelajar yang dikaji, seramai 3 orang (1.5%) menyatakan ibu mereka tidak bersekolah, 34 orang (17.0%) menyatakan ibu mereka tamat sekolah rendah, 28 (14%) orang menyatakan ibu mereka tamat SRP/PMR, 5 orang (2.5%) menyatakan ibu mereka tamat SMU/SMA, 51 orang (25.5%) menyatakan ibu mereka tamat SPM, 11 orang (5.5%) menyatakan ibu mereka tamat STU/STAM, 16 orang (8.0%) menyatakan ibu mereka tamat STPM, 27 orang (13.5%) menyatakan ibu mereka tamat peringkat Sijil/Diploma, 20 orang (10%) menyatakan ibu mereka tamat Ijazah Sarjana Muda, 2 orang (1.0%) menyatakan ibu mereka tamat Sarjana dan hanya seorang sahaja (0.5%) menyatakan ibunya tamat Doktor Falsafah, manakala 2 orang lagi (1.0%) memilih item lain-lain yang menjelaskan ibu salah seorang tamat Darjah Satu dan seorang lagi tamat Sekolah Pondok.

Dari segi latar pendidikan bapa pula menunjukkan seorang (0.5%) menyatakan bapa mereka tidak bersekolah, 24 orang (12.0%) menyatakan bapa mereka tamat sekolah rendah, 32 (16%) orang

menyatakan bapa mereka tamat SRP/PMR, 6 orang (3.0%) menyatakan bapa mereka tamat SMU/SMA, 55 orang (27.5%) menyatakan bapa mereka tamat SPM, 3 orang (1.5%) menyatakan bapa mereka tamat STU/STAM, 13 orang (6.5%) menyatakan bapa mereka tamat STPM, 29 orang (14.5%) menyatakan bapa mereka tamat peringkat Sijil/Diploma, 30 orang (15%) menyatakan bapa mereka tamat Ijazah Sarjana Muda, 3 orang (1.5%) menyatakan bapa mereka tamat Sarjana, dua orang (1.0%) menyatakan bapa mereka tamat Doktor Falsafah dan selebihnya 2 orang lagi (1.0%) memilih item lain-lain yang menjelaskan bapa mereka tamat Sekolah Pondok.

Jadual 2: Profil Pelajar Berdasarkan Latar Belakang Keluarga

Latar Belakang Keluarga		Frekuensi	Peratusan
Tahap Pendidikan Ibu	Tidak sekolah	3	1.5
	Tamat Sek.	34	17.0
	Rendah		
	SRP/PMR	28	14.0
	SMU/SMA	5	2.5
	SPM	51	25.5
	STU/STAM	11	5.5
	STPM	16	8.0
	Sijil/Diploma	27	13.5
	Sarjana Muda	20	10.0
Tahap Pendidikan Bapa	Sarjana	2	1.0
	Doktor Falsafah	1	0.5
	Lain-lain	2	1.0
	Jumlah	200	100.0
	Tidak sekolah	1	0.5
	Tamat Sek.	24	12.0
	Rendah		
	SRP/PMR	32	16.0
	SMU/SMA	6	3.0
	SPM	55	27.5
	STU/STAM	3	1.5
	STPM	13	6.5
	Sijil/Diploma	29	14.5
	Sarjana Muda	30	15
	Sarjana	3	1.5
	Doktor Falsafah	2	1.0
	Lain-lain	2	1.0
	Jumlah	100	100.0

Penggunaan Strategi Berdasarkan Item Strategi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa item s62 "saya meminta ampun daripada kedua ibu bapa sebelum menduduki peperiksaan dan meminta mereka mendoakan saya" memperoleh min skor yang tertinggi iaitu 4.23. Item s62 ini merupakan strategi yang paling banyak digunakan oleh pelajar ketika belajar bahasa Arab. Strategi ini mendominasi strategi-strategi yang lain di mana majoriti pelajar (112 daripada 200 atau 56%) selalu dan sentiasa menggunakan strategi tersebut. Item s57 "saya berusaha untuk memahami atau menghayati makna bacaan dalam sembahyang, doa, ayat al-Quran dan al-Hadith" memperoleh min kedua tertinggi iaitu 3.69. Manakala item s26 "saya meneka makna perkataan-perkataan yang saya tidak fahami berdasarkan konteks ayat atau situasi perbualan" memperoleh min ketiga tertinggi iaitu 3.47.

Item yang memperoleh min skor terendah pula ialah item s45 "saya meluahkan perasaan saya tentang pembelajaran bahasa Arab di dalam diari". Item ini merupakan strategi yang jarang dan tidak pernah digunakan oleh majoriti pelajar (125 orang atau 62.5%) apabila memperoleh min skor yang paling rendah dengan min 1.64. Ini menunjukkan pelajar jarang dan tidak pernah meluahkan perasaan mereka berkenaan dengan pembelajaran bahasa Arab di dalam diari mereka. Item s7 "saya menggunakan kad imbasan untuk mengingati perkataan baru" memperoleh min kedua terendah iaitu 1.97. Manakala item yang memperoleh min ketiga terendah ialah item s19 "saya menulis nota, mesej, surat atau laporan dalam bahasa Arab" dengan min 2.11. Jadual 3 menunjukkan susunan penggunaan item strategi berdasarkan min.

Jadual 3: Susunan Penggunaan Item Strategi Berdasarkan Min

Item	Jenis Strategi	Strategi Utama	Min
s62	saya meminta ampun daripada kedua ibu bapa sebelum menduduki peperiksaan dan meminta mereka mendoakan saya	Metafizik	4.23
s57	saya berusaha untuk memahami atau menghayati makna bacaan dalam sembahyang, doa, ayat al-Quran dan al-Hadith	Metafizik	3.69

s26	saya meneka makna perkataan-perkataan yang saya tidak fahami berdasarkan konteks ayat atau situasi perbualan	Tampungan	3.47
s58	saya membaca al-Quran setiap hari untuk memperbetul atau melancarkan sebutan bahasa Arab saya	Metafizik	3.44
s61	Saya meminta restu daripada guru sebelum menduduki peperiksaan	Metafizik	3.43
s48	Saya meminta si penutur bahasa Arab memperlahan, mengulang atau menjelaskan semula apa yang telah diperkatakan sekira saya tidak memahami sesuatu	Sosial	3.36
s59	Saya membaca ayat al-Quran atau doa untuk menghilangkan rasa gugup atau tertekan ketika mempelajari bahasa Arab	Metafizik	3.33
s60	Saya berembahyang hajat atau berdoa pada Allah agar saya berjaya dalam pembelajaran bahasa Arab	Metafizik	3.29
s41	Saya menenangkan diri apabila saya berasa takut atau gugup ketika mempelajari atau menggunakan bahasa Arab	Afektif	3.26
s44	Saya menyedari sekiranya saya takut atau gugup ketika saya mempelajari atau menggunakan bahasa Arab	Afektif	3.23
s47	Saya selalu mengungkapkan kata-kata perangsang yang menaikkan semangat saya untuk terus berusaha bersungguh-sungguh dan melakukan yang terbaik dalam pembelajaran bahasa Arab	Afektif	3.20
s34	Saya memberi tumpuan sepenuhnya apabila seseorang bertutur di dalam bahasa Arab	Metakognitif	3.20
s31	Sekiranya saya tidak dapat memikirkan perkataan yang tepat, saya akan menggunakan perkataan atau frasa yang membawa makna yang sama	Tampungan	3.15
s30	Saya mengagak apa yang bakal dinyatakan dalam sesuatu perbualan	Tampungan	3.13

	atau pembacaan berdasarkan ayat atau perkataan yang telah disebut sebelumnya		
s27	Saya menggunakan isyarat atau gerak badan apabila saya gagal mencari perkataan yang tepat ketika berbual	Tampungan	3.13
s42	Saya memberanikan diri saya bertutur dalam bahasa Arab meskipun ketika saya berasa takut melakukan kesilapan	Afektif	3.12
s5	Saya mengingati perkataan baru dengan membuat gambaran minda tentang situasi di mana perkataan itu sepatutnya digunakan	Memori	3.05
s51	Saya meminta pertolongan daripada penutur Arab atau guru bahasa Arab	Sosial	3.03
s28	Saya mencipta perkataan baru sekiranya saya tidak tahu perkataan yang tepat dalam bahasa Arab	Tampungan	3.03
s33	Saya mengenal pasti kesalahan bahasa saya dan menggunakan maklumat tersebut untuk meningkatkan kemahiran bahasa	Metakognitif	3.00
s29	Saya membaca teks bahasa Arab tanpa mencari makna bagi setia perkataan yang saya tidak tahu, sebaliknya saya cuba meneka makna berdasarkan konteks	Tampungan	2.99
s16	Saya berusaha untuk memulakan perbualan dalam bahasa Arab	Kognitif	2.99
s40	Saya menilai kemajuan saya dalam pembelajaran bahasa Arab	Metakognitif	2.97
s49	Saya meminta penutur-penutur bahasa Arab atau guru bahasa Arab untuk membetulkan saya apabila bercakap	Sosial	2.97
s15	Saya menggunakan perkataan-perkataan Arab yang saya tahu dengan pelbagai cara	Kognitif	2.92
s50	Saya berlatih, mengulang kaji dan berkongsi maklumat bahasa Arab dengan pelajar lain	Sosial	2.91
s39	Saya mempunyai matlamat yang jelas bagi mempertingkatkan kemahiran	Metakognitif	2.90

*Korelasi Antara Strategi Pembelajaran Bahasa Dengan Pencapaian Bahasa Arab
Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Kelantan*

	berbahasa saya		
s21	Saya mencari perkataan-perkataan bahasa Melayu yang menyamai perkataan baru dalam bahasa Arab	Kognitif	2.90
s17	Saya menonton program atau filem berbahasa Arab di TV atau mendengar nasyid Arab di radio untuk mempertingkatkan kemahiran mendengar atau bertutur	Kognitif	2.89
s1	Saya menghubungkan pengetahuan dan maklumat yang telah saya ketahui dengan sesuatu yang baru saya pelajari menurut persamaan ciri yang terdapat antaranya	Memori	2.88
s56	Saya berlatih untuk mengenal pasti sebab penggunaan kaedah tatabahasa Arab semasa membaca al-Quran	Metafizik	2.87
s23	Saya mencari makna perkataan Arab dengan membahagikannya kepada beberapa bahagian yang saya fahami	Kognitif	2.86
s20	Saya terlebih dahulu membaca petikan teks Arab secara sepintas lalu untuk mendapatkan idea umum sebelum mengulang membacanya dengan terperinci	Kognitif	2.84
s14	Saya berlatih dengan bunyi atau abjad bahasa Arab	Kognitif	2.82
s54	Saya berlatih untuk mengenal pasti kaedah nahu atau soraf yang digunakan semasa membaca al-Quran	Metafizik	2.80
s12	Saya menyebut atau menulis perkataan-perkataan Arab yang baru berulang kali	Kognitif	2.79
s32	Saya mencari sebanyak mungkin peluang menggunakan bahasa Arab	Metakognitif	2.78
s11	Saya menggunakan lagu untuk menghafal nusus-nusus Arab untuk mudah mengingati	Memori	2.77
s55	Saya berlatih untuk mengenal pasti kaedah sistem penulisan Arab ('Imla') yang digunakan semasa membaca al-Quran	Metafizik	2.76
s10	Saya mengingati perkataan atau frasa	Memori	2.75

*Korelasi Antara Strategi Pembelajaran Bahasa Dengan Pencapaian Bahasa Arab
Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Kelantan*

	baru dengan mengingati lokasinya pada halaman buku atau di mana kali pertama saya melihat atau mendengarnya		
s2	Saya mengelaskan perkataan-perkataan yang baru saya pelajari menurut persamaan ciri yang terdapat antaranya	Memori	2.74
s22	Saya mencari kaedah pembentukan perkataan atau ayat dalam bahasa Malaysia	Kognitif	2.73
s35	Saya mencari sebanyak mungkin maklumat – melalui pembacaan atau perbincangan- untuk menjadi pelajar bahasa yang baik	Metakognitif	2.72
s4	Saya menghubungkan bunyi perkataan baru dengan imej atau gambar bagi perkataan tersebut supaya memudahkan saya mengingatinya	Memori	2.71
s46	Saya bercakap tentang sikap atau perasaan saya terhadap pembelajaran bahasa Arab kepada seseorang yang saya percayai	Afektif	2.69
s3	Saya berlatih membuat ayat dengan perkataan yang baru saya pelajari supaya senang mengingat	Memori	2.58
s13	Saya meniru cara pertuturan orang Arab	Kognitif	2.56
s24	Saya memahami apa yang saya dengar atau baca tanpa menterjemahkannya perkataan demi perkataan ke dalam bahasa Melayu	Kognitif	2.55
s8	Saya melakonkan perkataan yang baru dipelajari dalam bentuk perbuatan untuk mudah mengingatinya	Memori	2.55
s9	Saya mengulangkaji pelajaran bahasa Arab dengan kerap	Memori	2.51
s38	Saya berusaha mencari peluang untuk membaca teks-teks Arab sebanyak yang mungkin	Metakognitif	2.48
s37	Saya dengan aktif mencari orang yang boleh bertutur bahasa Arab dengan saya	Metakognitif	2.44
s52	Saya bertanya soalan dalam bahasa Arab	Sosial	2.35
s36	Saya merancang jadual supaya saya	Metakognitif	2.28

	mempunyai masa yang cukup untuk mempelajari bahasa Arab		
s25	Saya membuat ringkasan maklumat-maklumat bahasa Arab yang baru saya dengar atau baca	Kognitif	2.22
s53	Saya mempelajari tentang budaya Arab	Sosial	2.21
s43	Saya memberi ganjaran atau hadiah kepada diri sendiri apabila saya mencapai sesuatu yang membanggakan dalam pembelajaran bahasa Arab	Afektif	2.21
s6	Saya menggunakan kaedah rima (bunyi bersajak) untuk mengingati perkataan baru	Memori	2.19
s18	Saya membaca bahan-bahan berbahasa Arab untuk hiburan	Kognitif	2.12
s19	Saya menulis nota, mesej, surat atau laporan dalam bahasa Arab	Kognitif	2.11
s7	Saya menggunakan kad imbasan untuk mengingati perkataan baru	Memori	1.97
s45	Saya meluahkan perasaan saya tentang pembelajaran bahasa Arab dalam diari	Afektif	1.64

Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Berdasarkan Konstruk Strategi Utama

Jadual menunjukkan jenis dan tahap penggunaan SPB berdasarkan konstruk strategi utama. Hasil kajian mendapati bahawa kategori yang paling kerap digunakan adalah Strategi Metafizik ($Min=3.31$, $SP=0.72$) pada tahap sederhana. Ini diikuti oleh Strategi Tampungan ($Min=3.15$, $SP=0.75$) yang juga pada tahap sederhana. Kemudian diikuti oleh Strategi Sosial ($Min=2.80$, $SP=0.74$) juga pada tahap sederhana. Seterusnya Strategi Afektif ($Min=2.76$, $SP=0.69$), diikuti oleh Strategi Metakognitif ($Min=2.75$, $SP=0.72$), Strategi Kognitif ($Min=2.66$, $SP=0.63$) dan Strategi Memori ($Min=2.61$, $SP=0.66$) yang kesemuanya juga pada tahap penggunaan sederhana. Oleh yang demikian, kajian ini mendapati tiada satu pun kategori strategi utama yang digunakan oleh para pelajar berada pada tahap penggunaan yang tinggi. Kajian ini juga mendapati tiada satu pun kategori strategi utama yang digunakan oleh para pelajar berada pada tahap penggunaan yang rendah.

Jadual 4: Min dan Sisihan Piawai Tahap Penggunaan Penggunaan SPB
Berdasarkan Kategori Utama (N=200)

bah
sera
keli

Strategi Utama	Min	S.P	Interpretasi
Metafizik	3.31	0.72	Sederhana
Tampungan	3.15	0.75	Sederhana
Sosial	2.80	0.74	Sederhana
Afektif	2.76	0.69	Sederhana
Metakognitif	2.75	0.72	Sederhana
Kognitif	2.66	0.63	Sederhana
Memori	2.61	0.66	Sederhana
Keseluruhan Strategi	2.83	0.56	Sederhana

Korelasi Antara Penggunaan SPB Dengan Pencapaian Bahasa Arab


Ujian korelasi Pearson merupakan ujian parametrik yang dilakukan bagi melihat sama ada terdapat korelasi yang signifikan antara penggunaan SPB dengan pencapaian bahasa Arab responden. Beberapa prasyarat pengujian korelasi Pearson telahpun diteliti terlebih dahulu sebelum ujian ini dijalankan (Rahim, 2013; Bryman & Cramer, 2005; Chua, 2008). Antara syarat-syarat pengujian korelasi Pearson ialah data hendaklah dalam ukuran skala selang atau nisbah, sampel data pula adalah daripada populasi yang sama, data hendaklah bertabur secara normal, kelinearan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah dan keadaan skor yang berkelompok secara seragam dan sama rata di sekitar garisan regresi. Kesemua syarat-syarat tersebut telahpun dipenuhi dan ini memungkinkan ujian korelasi Pearson digunakan. Jadual 5 memaparkan hasil ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov yang dijalankan ke atas data skor strategi pembelajaran bahasa yang menunjukkan bahawa nilai signifikan yang diperoleh adalah lebih besar daripada 0.05 (< 0.05). Keputusan ujian Kolmogorov-Smirnov ini menjelaskan bahawa data skor strategi pembelajaran bahasa adalah menepati taburan normal.

Jadual 5 : Ujian Normaliti Berdasarkan Kolmogorov-Smirnov (N=200)

Pemboleh Ubah	Statistik	D.K	Sig.
Skor Strategi Pembelajaran Bahasa	0.047	200	0.200

Manakala Rajah 1 pula menunjukkan Graf scatterplot menjelaskan hubungan linear antara skor SPB dengan pencapaian

bahasa Arab. Skor pemboleh ubah didapati berkelompok secara seragam dan sama rata di sekitar garisan regresi. Dengan ini, syarat kelinearan dan kesamaan varian telah dipenuhi.



Rajah 1 Hubungan Linear Antara Skor SPB Dengan Skor Pencapaian Bahasa Arab.

Berdasarkan Jadual 6 pekali korelasi $r=-.045$ menunjukkan terdapat perhubungan negatif yang sangat lemah antara pemboleh ubah bebas dan bersandar.. Manakala nilai kesignifikan yang lebih daripada 0.001 ($p > 0.001$) menunjukkan bahawa tidak terdapat korelasi signifikan antara skor penggunaan SPB dengan skor pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPT Kelantan.

Jadual 6: Korelasi Antara Penggunaan SPB Dengan Pencapaian Bahasa Arab Secara Keseluruhan

Skor SPB	Pencapaian	
	r	Sig
	-.045	0.528

Sig. Pada aras 0.05

RUMUSAN DAN IMPLIKASI

Hasil kajian menunjukkan bahawa Strategi Metafizik merupakan strategi yang paling kerap digunakan oleh para pelajar IPT Kelantan ketika mempelajari bahasa Arab dengan min M = 3.31. Manakala strategi memori merupakan strategi yang paling jarang digunakan oleh para pelajar IPT Kelantan ketika mempelajari bahasa Arab dengan min M = 261. Ini menunjukkan bahawa strategi metafizik adalah merupakan salah satu domain utama dalam pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan para pelajar IPT Kelantan. Hasil kajian juga mendapati bahawa tahap penggunaan SPB para pelajar IPT Kelantan secara keselurunya berada pada tahap penggunaan yang sederhana. Di samping itu, kajian ini turut menilai tahap korelasi antara penggunaan SPB dengan pencapaian bahasa Arab. Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan tidak terdapat korelasi signifikan antara penggunaan SPB dengan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPT Kelantan.

Berdasarkan dapatan kajian dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pihak-pihak yang berkenaan seperti pengubal dasar dan kurikulum perlu dari masa ke semasa mengemas kini kurikulum pembelajaran bahasa Arab selaras dengan keperluan pelajar. Para guru-guru dan pensyarah pula disarankan agar mempelbagaikan teknik pengajaran selaras dengan strategi pembelajaran pelajar agar proses P dan P menjadi lebih menarik dan menyeronokkan. Para pelajar juga perlu dide dahukan dengan strategi-strategi yang telah dibuktikan berkesan dalam pembelajaran bahasa Arab dalam usaha untuk memastikan hasil pembelajaran berjaya dicapai. Akhir sekali, kajian-kajian yang berkaitan dengan SPB dalam pembelajaran Bahasa Arab hendaklah diperluaskan di seluruh peringkat pengajian sama ada di peringkat rendah, menengah dan tinggi khususnya di negeri Kelantan.